

JAWAPAN

Tema 1

Unit 1: Impian Keluarga

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Seseorang itu boleh melakukan kerja yang susah kerana mereka gigih melakukan sesuatu. Mereka tidak putus asa dan berusaha sehingga berjaya.
- 2 Kepentingan berdikari adalah tidak menyusahkan orang lain dan boleh menambah keyakinan diri dalam melakukan sesuatu tugas atau pekerjaan.

Kemahiran Membaca

- 1 Keluarga Hanim tinggal di desa yang indah dan permai.
- 2 X, ✓
- 3 Pada pendapat saya, cara kita mengekalkan keluarga yang bahagia ialah sentiasa melakukan aktiviti bersama-sama seperti membersihkan kawasan rumah. Selain itu, kita hendaklah sentiasa menjalankan tanggungjawab kita contohnya tanggungjawab seorang anak adalah mendengar nasihat ibu dan bapa.

Kemahiran Menulis

1	Mendengar cerita tersebut, tambahlah keinginan Salim hendak memancing di situ
2	mengediakan cacing tanah untuk dijadikan umpan
3	Selalunya mereka mendapat banyak ikan jika memancing
4	Salim, Kamarul dan Nazim gembira kerana mula mendapat ikan yang dipancing
5	Datuk sangat gembira kerana Salim makin pandai memancing
6	Salim mengangguk-angguk tanda memahami kata-kata datuk

Unit 2: Keluarga Kreatif

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Bilakah
2 Siapakah
3 Datin
4 Tuan Haji
- 5 Pak Long
6 Mak Usu
7 Mengapakah

Kemahiran Membaca

- 1 Bengkel Penulisan Kanak-kanak ini telah mendapat kerjasama dan sumbangan daripada pihak Bank Rakyat.

- 2 Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi peluang dan mencungkil bakat kanak-kanak dalam bidang penulisan kreatif dan seni yang lain.
- 3 Ya, bengkel ini dapat menarik minat kanak-kanak untuk menghasilkan penulisan kreatif kerana mereka dibimbing secara terus daripada fasilitator. Selain itu, kanak-kanak akan berasa seronok untuk menghasilkan penulisan kreatif kerana pelbagai aktiviti disediakan seperti melukis komik dan menghasilkan kraf tangan.

Kemahiran Menulis

- 1 Maksud rangkap pertama pantun di atas ialah kita perlu menyayangi ibu dan bapa kita supaya kita boleh masuk syurga dan bahagia sepanjang masa.
- 2 Kegemaran ayah dan abang ialah mereka suka berkebun.
- 3 Maksud baris-baris pantun di atas ialah kita janganlah memendam bakat semula jadi yang ada pada diri kita. Bakat itu perlu ditonjolkan supaya menjadi panduan dan teladan kepada orang lain.

Unit 3: Motivasi Keluarga

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Aktiviti yang susah dan memerlukan banyak tenaga

- Membersihkan siling rumah
- Memeriksa saluran air
- Membersihkan longkang di luar rumah
- Membersihkan dinding rumah
- Mencantas dahan pokok
- Membasuh pinggan mangkuk
- Membersihkan kipas di siling

Aktiviti yang ringan dan tidak memerlukan banyak tenaga

- Mengelap cermin
- Membersihkan singki
- Menyapu sampah di dalam rumah
- Sediakan minuman
- Masak nasi lemak
- Membuang sampah
- Mengelap meja

Kemahiran Membaca

Ramalan Murid:

Dahlan dan rakan-rakannya terus ke pekan. Fadhil dan Ismadi tidak mahu ke kafe siber itu walaupun diajak oleh Dahlan. Dahlan memasuki kafe siber itu sendirian. Sementara itu, Fadhil dan Ismadi menunggu Dahlan di kedai minum bersebelahan dengan kafe siber itu. Selepas itu, mereka hendak ke kedai buku pula.

Malangnya, tidak sampai lima minit Dahlan bermain permainan video, kafe siber itu diserbu oleh pihak berkuasa. Fadhil dan Ismadi sekadar memerhatikan

sahaja. Mereka tidak boleh menolong. Sepuluh minit selepas itu, pihak berkuasa keluar dari kafe siber tersebut. Tidak lama kemudian, Dahlan dan beberapa orang lagi keluar dari kafe siber itu.

Muka Dahlan nampak sedih. Dahlan memberitahu Fadhil dan Ismadi bahawa dia tidak akan mengulangi perbuatan itu lagi. Nasib baiklah, dia dan remaja di bawah umur di kafe siber itu hanya diberi amaran.

Kemahiran Menulis Kerangka penutup

– keputusan peperiksaan Milah baik – datuk dan nenek gembira – datuk hendak membelikan Milah sebuah komputer riba

Perenggan penutup yang lengkap

Milah menduduki peperiksaan pertengahan tahun dengan tenang. Dia berjaya menjawab setiap soalan dengan baik. Tidak lama selepas itu, keputusan diumumkan dan Milah mendapat keputusan cemerlang. Datuk dan nenek begitu gembira. Datuk berjanji akan membelikan sebuah komputer riba untuk Milah esok.

Tema 2

Unit 4: Bersih dan Sihat

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

... kita mestilah memilih makanan yang berkhasiat. Kita juga mestilah memastikan makanan yang dibeli di luar sekolah itu bersih. Di samping itu, kita mestilah memastikan bahawa kedai makanan yang kita pilih itu bersih. Semua ini sangat penting kerana boleh mengelakkan kita daripada mengalami keracunan makanan.

Kemahiran Membaca

... melaporkan perkara itu kepada pihak yang sesuai. Contohnya, pada peringkat permulaan, Aminuddin boleh melaporkan kepada ketua kampung mengenai kejadian tersebut. Selain itu, Aminuddin juga boleh melaporkan kepada Majlis Daerah atau Majlis Perbandaran supaya diadakan pemeriksaan di sungai tersebut.

Kemahiran Menulis

Pendahuluan:

menjaga kesihatan sangat penting bagi setiap individu – kesihatan lebih penting daripada kekayaan wang ringgit dan harta benda

Isi-isi penting:

- dapat menjalani kehidupan dengan lebih sempurna – hidup sentiasa sihat – dapat hidup dengan sempurna dan gembira
- menjimatkan wang – tidak perlu mengeluarkan kos untuk mendapatkan rawatan kerana selalu sihat
- dapat mengelak sebarang penyakit – kurang terdedah kepada penyakit – sentiasa dalam keadaan sihat, cergas dan bertenaga

- dapat menyumbang jasa – sihat dan mampu belajar dan bekerja untuk kepentingan semua pihak

Penutup:

setiap orang mesti menjaga kesihatan – mengamalkan gaya hidup sihat – kesihatan tidak dapat dinilai dengan wang ringgit

Unit 5: Aktif dan Cergas

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Tuan Pegawai Daerah
- 2 Encik Hamdan
- 3 Yang Berhormat
- 4 Pegawai Kesihatan Daerah
- 5 Tuan Haji Salim

Kemahiran Membaca

A	Maklumat Tersurat	Maklumat Tersirat
	Seseorang yang sudah berusia tidak semestinya menghentikan aktiviti riadah dan sukan.	Sukan tidak mengenal <u>usia dan masa</u> .
	Seseorang yang tidak melakukan aktiviti riadah akan mengalami masalah kesihatan.	Dengan melakukan riadah, seseorang itu akan dapat <u>menghindari pelbagai jenis penyakit</u> .
	Dengan mengamalkan gaya hidup sihat, seseorang itu sentiasa cergas dan bertenaga.	Amalan gaya hidup sihat menjamin <u>kesihatan yang berpanjangan</u> .

- 1 Mereka mudah mendapat penyakit termasuklah penyakit-penyakit berbahaya.
- 2 Kehidupan mereka tidak ceria seperti orang yang mengamalkan gaya hidup sihat.

Kemahiran Menulis

Kata Ganda

- | | |
|------------------|-----------------|
| 1 sesiapa | 4 rakan-rakan |
| 2 guru-guru | 5 baru-baru |
| 3 berganti-ganti | 6 besar-besaran |

Unit 6: Sihat Emosi

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- | | |
|--------|----------|
| 1 kamu | 4 Mereka |
| 2 Saya | 5 kami |
| 3 kita | 6 kalian |

Kemahiran Membaca

- 1 Maksud terukir dalam sajak di atas ialah ternampak.
- 2 Penulis teringat akan jasa besar para petani dan kesusahan mereka semasa bekerja di sawah.
- 3 Maksud baris-baris sajak di atas ialah penulis melihat padi yang telah pun masak.

Kemahiran Menulis

- | | |
|---------------|-----------------|
| 1 benar-benar | 5 merata-rata |
| 2 Moga-moga | 6 peraih-peraih |
| 3 bila-bila | 7 riuh-rendah |
| 4 buah-buahan | 8 kanak-kanak |

Tema 3

Unit 7: Keselamatan Semasa Bersukan

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- | | |
|-------------|-------------|
| 1 hendaklah | 5 mestilah |
| 2 jangan | 6 hendaklah |
| 3 janganlah | 7 mestilah |
| 4 Tolonglah | 8 perlu |

Kemahiran Membaca

- Jangan berdeham apabila bersukan.
 - Mementingkan semangat kesukanan.
 - Jangan membawa barang berbahaya ketika bersukan.
- Dapat mengasah bakat dalam sukan yang diminati.
 - Dapat menawarkan pekerjaan dan pendapatan lumayan jika mempunyai kebolehan istimewa.

Kemahiran Menulis

- Bermain dengan bersungguh-sungguh dan memamerkan kebolehan masing-masing dengan penuh semangat kesukanan.
- Jangan makan terlalu kenyang dan elakkan makan makanan yang pedas.
- Berehat dengan secukupnya sebelum bermain.
- Pakai kasut dan jersi yang sesuai.
- Panaskan badan terlebih dahulu sebelum bermain.

Unit 8: Keselamatan Persekitaran

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- keselamatan
- pengawal keselamatan
- kamera litar tertutup
- pemadam api
- pintu rintangan api

Pada pendapat saya, jika sesuatu tempat perniagaan yang besar tidak ada ciri-ciri keselamatan, pengunjung tidak akan berkunjung atau berbelanja di tempat tersebut kerana bimbang akan keselamatan mereka.

Pemilik perniagaan pula akan mengalami kerugian kerana kekurangan pelanggan yang mengunjungi tempat perniagaan tersebut.

Kemahiran Membaca

Rangkap 1 – Setiap hari pengajak berjalan kaki ke sekolah untuk mencari ilmu. Semasa melintas jalan yang sibuk hendaklah berhati-hati bagi mengelakkan kecelakaan.

Rangkap 2 – Jika menunggang basikal mestilah berwaspada. Ikutlah laluan yang telah ditetapkan dan jangan berlumba dengan kawan kerana boleh membahayakan diri.

Rangkap 3 – Bahaya tidak kira sama ada di rumah, di jalan mahupun di sekolah. Jika sentiasa beringat, hidup akan selamat sepanjang masa.

Kemahiran Menulis

- Ibu bapa mestilah mengawasi anak-anak jika anak-anak dibawa ke mana-mana. Jika di tempat awam, ibu bapa tidak boleh lepas tangan untuk mengawal atau memerhatikan gerak-geri anak-anak mereka.
- Jika kanak-kanak pergi ke tempat yang bahaya, pelbagai risiko boleh berlaku. Oleh itu, kanak-kanak tidak digalakkan pergi ke tempat-tempat yang boleh mengundang masalah kepada mereka.
- Kanak-kanak tidak dibenarkan mengikut atau bercakap dengan orang yang tidak dikenalnya. Jika mereka terpengaruh dengan individu yang bukan daripada ahli keluarga, keadaan ini dapat membahayakan diri mereka.
- Antaranya adalah seperti memastikan tahap keselamatan kanak-kanak dipertingkatkan. Pemasangan kamera litar tertutup di tempat-tempat awam mesti ditambah. Ibu bapa memainkan peranan penting mengawal anak-anak mereka di luar rumah. Masyarakat sekeliling juga perlu peka terhadap golongan ini dan membantu pihak berkuasa menangani masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak.

Unit 9: Patuhi Peraturan Jaminan Keselamatan

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Memilih laluan yang tidak mendatangkan bahaya.
- Sentiasa mematuhi peraturan jalan raya.
- Tidak bersaing dengan rakan semasa menunggang basikal.
- Memastikan brek dan tayar basikal dalam keadaan baik.
- Menunggang basikal dengan berhati-hati.

Kemahiran Membaca

- ... menumpukan perhatian semasa memandu dan tidak menggunakan telefon bimbit.
- Dua sikap abang berdasarkan petikan ialah patuh akan arahan emak dan berhati-hati semasa memandu.
- Maksud frasa *sikap terburu-buru akan membawa padah* ialah sikap yang tergesa-gesa boleh mengundang bahaya.
- Dua cara lain untuk mengurangkan kemalangan jalan raya ialah pihak berkuasa mesti mengenakan denda yang tinggi terhadap pesalah di jalan raya dan kempen keselamatan jalan raya mesti dipergiat.

Kemahiran Menulis

Selamat sejahtera saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi Majlis, Guru Besar, Tuan Haji Ramlan Said, guru-guru serta rakan-rakan yang saya kasihi. Berdirinya saya di sini adalah untuk menyampaikan syarahan yang bertajuk "Mematuhi Peraturan di Jalan Raya".

Hadirin sekalian,

Terlebih dahulu izinkan saya memberikan definisi tajuk syarahan saya pada hari ini. Mematuhi peraturan jalan raya bermaksud mengikuti segala undang-undang atau ketetapan yang telah ditetapkan untuk para pengguna jalan raya. Peraturan-peraturan ini meliputi peraturan had laju kenderaan, amaran bahaya dan sebagainya. Sebagai pengguna jalan raya, kita wajar mematuhi setiap peraturan yang telah ditetapkan.

Rasional diadakan peraturan seumpama ini adalah untuk menjamin keselamatan pengguna di jalan raya. Kecelakaan seperti kemalangan dan kematian di jalan raya dapat dielakkan jika pengguna sentiasa mematuhi peraturan ini.

Hadirin sekalian,

Mematuhi setiap peraturan jalan raya ini amatlah mudah untuk dipraktikkan. Setiap pengguna hanya perlu mengikuti setiap peraturan untuk memudahkan perjalanan mereka menuju ke destinasi serta menjamin keselamatan bak kata pepatah, "Biar Lambat Asalkan Selamat".

Sebelum saya mengundurkan diri, saya ingin menyeru para pengguna jalan raya agar patuh kepada peraturan yang ditetapkan. Sekian, terima kasih.

Tema 4

Unit 10: Muafakat Membawa Berkat

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 meriah
- 2 mengambil bahagian
- 3 turut serta
- 4 menjayakan
- 5 menjadi bersih

Kemahiran Membaca

- 1 ... musim kemarau.
- 2 Tenaga yang banyak diperlukan kerana rumah kayu kebiasaannya berat dan dapat mengelakkan rumah yang ingin dipindahkan mengalami kerosakan.
- 3

Aktiviti memindahkan sebuah rumah biasanya dilakukan pada musim kemarau.	Betul	
Keesakan mudah berlaku jika tenaga yang digunakan lebih banyak.		Salah
Kerja-kerja memindahkan rumah dibuat secara bekerjasama.		
Banyak kos yang diperlukan untuk memindahkan rumah.		

Kemahiran Menulis

Pendahuluan:

- ucapan alu-aluan oleh ketua penduduk – menjelaskan tujuan penduduk dikumpulkan

Isi-isi penting:

- membersihkan kawasan sekitar – mengelak ancaman denggi – banyak kes sudah berlaku

- membahagikan tugas kepada penduduk – membersihkan longkang, mengumpul dan membakar sampah
- berharap penduduk dapat bekerjasama – kerja yang susah akan menjadi senang – berharap akan menjadi acara bulanan
- jamuan ringan akan diadakan selepas gotong-royong selesai

Penutup:

- mengucapkan terima kasih kepada penduduk yang hadir dan memberikan kerjasama

Unit 11: Kita Memberi, Orang Merasa

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

... pada minggu hadapan, kawasan kejiranan kita akan mengadakan rumah terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri. Oleh itu, semua keluarga diharapkan dapat bekerjasama dan bersatu hati ibarat aur dengan tebing untuk menjayakan program ini. Program ini memerlukan kerjasama kerana juadah perlu disediakan oleh keluarga masing-masing mengikut kemampuan.

Dengan adanya program seumpama ini, diharapkan penduduk dapat menjayakannya dengan hati terbuka demi kebaikan bersama. Oleh itu, untuk menjayakan program ini sudah tentu sikap saling bekerjasama seperti aur dengan tebing mesti diberikan keutamaan. Tanpa kerjasama sudah tentu program ini tidak akan berjalan dengan lancar. Pepatah ada mengatakan bahawa jiran sepakat membawa berkat. Semoga program ini akan berjalan dengan lancar. Sekian, terima kasih.

Kemahiran Membaca

- 1 **sukarelawan** – orang yang membantu dengan cara sukarela tanpa meminta upah.
- 2 **dermawan** – orang yang suka menderma.
- 3 **hartawan** – orang yang mempunyai banyak harta.
- 4 **mahasiswa** – penuntut universiti.
- 5 **prasekolah** – murid yang belajar di kelas tadika atau belum memasuki alam persekolahan yang sebenar.

Kemahiran Menulis

Selamat sejahtera saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi Majlis, barisan hakim yang arif lagi bijaksana, guru-guru serta rakan-rakan yang dikasihi. Berdirinya saya di sini adalah untuk menyampaikan sebuah syarahan yang bertajuk, "Kepentingan Mengamalkan Nilai-nilai Murni".

Hadirin sekalian,

Apabila seseorang itu mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupannya, dia akan dipandang tinggi dan mulia oleh masyarakat. Nilai-nilai murni yang diamalkan dapat mewujudkan suasana yang harmoni. Nilai murni seperti baik hati bermaksud menghulurkan pertolongan kepada mereka yang memerlukan. Nilai ini bersesuaian dengan peribahasa buat baik dibalas baik.

Selain itu, dengan mengamalkan nilai-nilai murni seseorang itu dapat memperlihatkan sikap positif dirinya dalam menjalani kehidupan seharian. Seseorang itu akan mudah mencapai kejayaan dalam hidup. Nilai-nilai murni yang dipegang akan menghindarkan mereka daripada terjebak dalam gejala negatif.

Hadirin sekalian,

Nilai murni juga dapat diamalkan oleh sesama ahli keluarga. Keluarga yang menerapkan nilai-nilai murni akan mewujudkan keluarga yang harmoni. Contohnya, anak yang rajin menolong ibu bapa melakukan kerja-kerja rumah dapat mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh ibu bapa. Dengan cara ini kita akan disayangi dan dihargai oleh ahli keluarga.

Mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan juga dapat menambahkan lagi kenalan. Banyak orang suka berkawan dengan individu yang mengamalkan nilai-nilai murni seperti ramah mesra dan kerjasama. Nilai ini dapat menjadikan hubungan semakin erat dan saling membantu antara satu dengan yang lain.

Sebagai mengakhiri syarahan saya pada hari ini, saya ingin menyeru agar semua ahli masyarakat mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan mereka. Sekian, terima kasih.

Unit 12: Sedia Membantu

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 **Nilai tabah** – Mei Mei tabah berusaha untuk mencapai keputusan yang baik dalam beberapa subjek.
- 2 **Nilai rajin** – Mei Mei rajin berusaha untuk mencapai kejayaan.
- 3 **Nilai baik hati** – Zamilah sudi membantu Mei Mei dalam pelajaran.
- 4 **Nilai rela hati** – Zamilah sedia meminjamkan bukunya kepada Mei Mei.
- 5 **Nilai menghargai** – Mei Mei berterima kasih atas bantuan yang diberikan oleh Zamilah.

Kemahiran Membaca

- 1 sekejap
- 2 Azman tidak pergi ke sekolah pada hari itu kerana menjaga ibunya yang sakit.
- 3 Pak Karim akan menyuruh Tijah menengok-nengokkan ibu Azman yang sedang sakit.
- 4 Pada pendapat saya, kita perlu bersekolah supaya tidak ketinggalan dalam pelajaran dan dapat mengapai cita-cita dalam hidup.

Kemahiran Menulis

Pendahuluan:

banjir berlaku selepas hujan turun dengan lebat – air naik melebihi satu meter

Isi-isi penting:

- memindahkan mangsa-mangsa banjir – fokuskan kepada warga tua, kanak-kanak dan wanita
- berusaha menyelamatkan harta benda sekadar yang mampu – menasihati agar mangsa membawa dokumen penting
- menghulurkan derma berupa wang, makanan, pakaian dan ubat-ubatan
- membantu membersihkan kediaman selepas banjir surut – mengadakan gotong-royong

Penutup:

banjir merupakan satu bencana – sikap berwaspada dengan bencana banjir sangat penting

Tema 5

Unit 13: Uniknya Budaya Kita

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Datuk saya menceritakan tentang emping
- 2 gantung alu
- 3 saya belum pernah memakannya
- 4 dituai dan dipisahkan daripada tangkainya
- 5 emping ini sedap dimakan

Kemahiran Membaca

Ayat Tunggal

- 1 Pakaian tradisional Melayu masih popular.
- 2 Pakaian tradisional sangat menarik.
- 3 Golongan wanita memakai baju kurung.
- 4 Pakaian tradisional amat selesa dipakai.
- 5 Pakaian ini boleh dipakai pada hari-hari biasa.

Ayat Majmuk

- 1 Pakaian ini dipakai oleh semua peringkat usia sama ada tua ataupun muda.
- 2 Pada Hari Raya, kanak-kanak, orang dewasa dan golongan tua memakai pakaian tradisional.
- 3 Kaum lelaki memakai baju Melayu, songkok dan sampung.
- 4 Baju kurung biasanya dipakai oleh wanita yang bekerja di pejabat.
- 5 Kaum lelaki pula memakai baju Melayu ketika menunaikan solat Jumaat di masjid.

Kemahiran Menulis

- | | |
|--------------|-------------|
| 1 balai raya | 6 padu |
| 2 peserta | 7 pasukan |
| 3 dijemput | 8 merangkul |
| 4 lumayan | 9 naib |
| 5 tempat | 10 berharap |

Unit 14: Citra Seni

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Begini, Marlina. Bidang fotografi boleh dijadikan kerjaya dan menjadi sumber pendapatan kepada sesiapa sahaja yang berminat. Bidang ini juga boleh dijadikan sebagai kerja sampingan. Oleh hal yang demikian, tidak rugi kepada sesiapa yang menceburi bidang ini.

Kemahiran Membaca

Ramalan Murid:

Aminuddin mengucapkan tahniah kepada kawan-kawannya itu. Dia berasa teruja melihat hadiah-hadiah yang dimenangi oleh mereka. Aminuddin juga berasa rugi

kerana tidak menyertai pertandingan itu walaupun telah diajak berkali-kali oleh Meng Kong dan Aziz. Sebenarnya, Aminuddin juga handal bermain layang-layang.

Kini, Aminuddin bertekad untuk menyertai pertandingan itu jika diadakan lagi pada masa akan datang. Dia juga tidak mahu bermain permainan komputer sahaja kerana tidak mendatangkan faedah. Pada keesokan harinya, Aminuddin bersama dengan rakan-rakannya ke padang untuk bermain.

Kemahiran Menulis

Kesalahan	Pembetulan
merasa	– berasa
sebij	– sebuah
di buka	– dibuka
dari pada	– dari
kanak-kanak	– anak-anak
berlama	– selama
anak-anak	– anak
mahsyur	– masyhur
pembimbing	– bimbingan
berbuat	– membuat

Unit 15: Keindahan Seni

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Bukti lagu-lagu Tan Sri P. Ramlee digemari hingga kini ialah setiap hari lagu beliau disiarkan di radio dan anak-anak muda mengetahui ketokohan beliau serta kebanyakan lagu beliau.
- 2 Lagu Kau Laksana Bulan, Putus Sudah Kasih Sayang dan Dendang Perantau.
- 3 Perkara yang dilakukan untuk mempopularkan lagu-lagu Tan Sri P. Ramlee adalah dengan terus mengadakan pertandingan nyanyian lagu-lagu P. Ramlee dari semasa ke semasa.
- 4 Sumbangan Tan Sri P. Ramlee dalam bidang seni ialah beliau banyak menghasilkan filem-filem yang berkualiti, mencipta lagu-lagu yang malar segar serta lakonan yang cukup mantap.

Kemahiran Membaca

- 1 Sajak mula dihasilkan di Tanah Melayu sejak tahun 1930-an.
- 2 Antara penulis sajak terawal ialah Muhammad Yassin Makmur.
- 3 Beliau menghasilkan sajak yang bertajuk Keluh-Kesah.
- 4 Sajak ini disiarkan dalam Majalah Guru.
- 5 Sajak kian digemari ramai.
- 6 Ramai penulis lahir daripada Pejabat Karang Mengarang di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim.

Kemahiran Menulis

Anak-anak muda di kampung ini masih mengamalkan permainan tradisional. Mereka masih bermain layang-layang, gasing dan guli. Mereka tidak begitu menghiraukan permainan moden walaupun zaman sudah berubah.

Sikap anak-anak muda di kampung ini mesti diteladani kerana mereka mengekalkan permainan tradisional yang dipusakai sejak turun-temurun. Jika mereka tidak meneruskannya, permainan tradisional ini pasti akan pupus.

Tema 6

Unit 16: Kejayaan Tanaman Kita

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Jagung yang sangat popular ialah jagung manis.
- 2 Kawasan tanaman jagung di Malaysia ialah Johor, Pahang, Kelantan dan Perak.
- 3 Pendapatan yang diperoleh sebanyak RM10 000 dalam tempoh tiga bulan.
- 4 Jagung boleh ditanam secara kecil-kecilan untuk sara diri.

Kemahiran Membaca

- 1 Dua kepentingan penanaman kelapa adalah untuk menyumbang ekonomi negara di samping membasmi kemiskinan dalam kalangan petani.
- 2 X, ✓
- 3 Ya, tanaman kelapa mesti dikekalkan kerana kelapa masih mendapat permintaan yang tinggi. Selain itu, kelapa mempunyai banyak kegunaan kepada orang ramai.

Kemahiran Menulis

Terbongkok-bongkok
datuk di tengah dusun
mencari durian yang luruh
kemudian memetik rambutan
yang bergayut di dahan.

Datuk rajin bekerja
gigih menjaga tanaman
kepada jiran ia bersedekah
jika berlebih dijualnya pula.

Dusun datuk subur menghijau
buah-buahannya segar dan enak
anak-anak cucu berkumpul
mengerat ikatan kekeluargaan.

Unit 17: Hasil Temakan Kita

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 membeli dua ekor kambing
- 2 mengadakan majlis kesyukuran
- 3 Banyak kambing
- 4 seorang yang gigih
- 5 penternak yang berjaya

Kemahiran Membaca

- 1 Maksud jinak dalam sajak di atas ialah tidak liar dan buas.
- 2 Ayam kampung dipelihara secara bebas dan makan apa-apa sahaja.

- 3 Di kampung, ayam-ayam dibela tanpa adanya kurungan.

Kemahiran Menulis

Saya sedang membuat kandang yang selesa. Selepas itu, saya membeli anak-anak kambing. Saya memberi makanan dan minuman pada setiap pagi dan petang. Kemudian saya akan melepaskan kambing di padang ragut sehingga semuanya kenyang. Saya memasukkan anak-anak kambing ke dalam kandang pada waktu malam.

Unit 18: Era Biodiversiti dan Bioteknologi

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Kamu memancing di sungai itu
- 2 Sungai itu sudah tercemar
- 3 Banyak sampah di dalamnya. Ada botol plastik dan macam-macam lagi
- 4 Kalau tidak, tentu bertambah parah
- 5 hidupan sungai di kampung kita

Kemahiran Membaca

- 1 Maksud sentiasa selesa ialah hidup selalu tenang.
- 2 Dua nilai yang terdapat dalam pantun ialah nilai menjaga diri dengan memelihara kesihatan serta nilai prihatin terhadap bumi.
- 3 Kita perlu mengambil berat tentang keadaan bumi supaya hidup kita lebih sihat.

Kemahiran Menulis

Pendahuluan:

jentera moden – penting dalam bidang pertanian – selaras dengan peredaran masa – negara maju sudah lama menggunakan jentera moden

Isi-isi penting:

- kebaikan penggunaan jentera moden – mempercepatkan kerja – membajak sawah dan menuai padi – lebih mudah – jika menggunakan kaedah lama – tidak dapat dilakukan dengan cepat
- memberi keuntungan kepada petani – hasil pengeluaran menjadi banyak – tidak memerlukan ramai pekerja – penggunaan jentera moden lebih sesuai – mudah dan menguntungkan
- dapat mengelak kerugian dalam kalangan petani – kurang menghadapi risiko tanaman rosak dengan penggunaan jentera – berbanding tenaga manusia
- mendatangkan hasil yang lebih terjamin – kerja dilakukan dengan cepat dan mengikut jadual – memperoleh hasil lumayan

Penutup:

penggunaan jentera moden perlu diperluas – mendatangkan manfaat kepada petani

Karangan Lengkap:

Jentera moden sangat penting dalam bidang pertanian. Penggunaan jentera moden diperlukan kerana tindakan ini selaras dengan peredaran masa. Negara-negara maju lain sudah lama menggunakan jentera moden dalam bidang pertanian.

Salah satu kebaikan penggunaan jentera moden ialah mempercepatkan kerja. Contohnya, kerja-kerja membajak sawah dan menuai padi menjadi lebih mudah apabila menggunakan jentera moden. Jika bidang pertanian masih menggunakan kaedah lama, berlaku pembaziran masa kerana kerja tidak boleh dilakukan dengan cepat.

Penggunaan jentera moden juga memberi keuntungan kepada petani. Hasil pengeluaran menjadi lebih banyak serta tidak memerlukan ramai pekerja. Jika dinilai dari segi pendapatan, penggunaan jentera moden lebih sesuai diamalkan dalam bidang pertanian kerana lebih mudah dan menguntungkan.

Di samping itu, penggunaan jentera moden dapat mengelak kerugian dalam kalangan petani. Hal ini demikian kerana petani kurang menghadapi risiko tanaman rosak dengan penggunaan jentera moden berbanding penggunaan tenaga manusia.

Selain daripada itu, penggunaan jentera moden dalam pertanian akan mendatangkan hasil yang lebih terjamin. Apabila kerja-kerja dapat dilakukan dengan cepat dan mengikut jadual, para petani akan memperoleh hasil yang lumayan.

Kesimpulannya, penggunaan jentera moden dalam pertanian mesti diperluas kerana mendatangkan manfaat kepada petani.

Tema 7

Unit 19: Tokoh Sanjungan

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- | | |
|----------|--------|
| 1 kamu | 4 sana |
| 2 Saya | 5 dia |
| 3 Inilah | 6 itu |

Kemahiran Membaca

Rangkap 1 – Menceritakan tentang pahlawan yang berjuang untuk negara. Mereka berani melawan musuh dan rela mati demi tanah air. Mereka sangat berjasa kepada negara.

Rangkap 2 – Diharapkan pejuang dapat meneruskan perjuangan kerana musuh ada di mana-mana sahaja. Pejuang mestilah berani, sentiasa tabah dan tidak menyerah kalah demi kedaulatan sebuah negara.

Rangkap 3 – Jasa pahlawan bukanlah sedikit demi sebuah negara dan seluruh rakyat yang inginkan keamanan.

Kemahiran Menulis

Kesalahan	Pembetulan
1 panggilan	panggilan
2 pengajajaan	penjajahan
3 memperjuangkan	memperjuangkan
4 komitet	komited
5 kunsep	konsep
6 berpalamik	berpolemik
7 akadamik	akademik
8 tek	teks

Unit 20: Negara yang Kusayangi

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Bolehkah kamu
- 2 Sudikah kamu
- 3 Saya harap
- 4 Boleh saya tahu
- 5 silalah datang

Kemahiran Membaca

- 1 pasirnya lembut
- 2 pesisir pantai
- 3 menjamah pantai
- 4 istana pasir
- 5 sebak
- 6 melambai-lambaikan

Kemahiran Menulis

Kata ganda

- 1 aktiviti-aktiviti
- 2 murid-murid
- 3 anak-anak
- 4 diselang-selikan
- 5 acara-acara
- 6 syarahan-syarahan
- 7 guru-guru

Unit 21: Tanggungjawab Kita

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Suatu ceramah umum akan diadakan pada 10 November 2017 pada pukul 9.00 pagi di Dewan Serba Guna, Bandar Seri Putera. Ceramah tersebut akan disampaikan oleh Tuan Haji Ismail Hassan, iaitu Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaya. Ceramah yang akan disampaikan oleh beliau bertajuk 'Tanggungjawab Kita Terhadap Negara'. Oleh hal demikian, semua penduduk dijemput hadir untuk menjayakan majlis tersebut. Sesi soal jawab dan jamuan akan diadakan selepas ceramah tersebut. Sekian, terima kasih.

Kemahiran Membaca

- 1 **berkorban** – menanggung penderitaan untuk keselamatan orang lain
- 2 **menyanjung** – memuji atau sangat menghargai
- 3 **imej** – nama baik
- 4 **memajukan** – memperkembangkan sesuatu ke hadapan
- 5 **kaedah** – cara
- 6 **memperoleh** – mencapai atau mendapat
- 7 **negatif** – perkara yang tidak baik
- 8 **terlibat** – terbabit atau terjebak
- 9 **menempuh** – mengharungi
- 10 **pemulihan** – pengembalian sesuatu kepada keadaan asal atau semula

Kemahiran Menulis

- 1 Seorang murid mestilah mencari ilmu pengetahuan.
- 2 Murid juga mestilah menghormati guru.
- 3 Murid mesti mendengar ajaran guru dan tidak membantah kata-kata guru.
- 4 Murid mestilah menghormati dan berbaik-baik dengan setiap rakan.

- 5 Setiap murid mestilah berusaha mengharumkan nama baik sekolah dengan pelbagai cara.

Tema 8

Unit 22: Perniagaan di Malaysia

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Saya tidak beli apa-apa
- 2 menjual perabot
- 3 Kalau hampir musim perayaan
- 4 Apakah jenis-jenis perabot
- 5 ingin membeli rak buku

Kemahiran Membaca

Perkataan Berimbuhan Pinjaman	Makna
1 usahawan	seorang yang aktif dalam bidang perniagaan
2 mahasiswa	penuntut universiti
3 poliklinik	sebuah klinik yang besar
4 budiman	seorang yang baik hati
5 dermawan	seorang yang suka menderma

Kemahiran Menulis

Setiap tempat ada pasar malam, tidak terkecuali di tempat tinggal saya. Pasar malam di tempat saya biasanya beroperasi dari pukul 5.00 petang hingga 10.00 malam.

Kebanyakan barang yang dijual di pasar malam di tempat saya menawarkan harga yang agak murah. Hal ini membolehkan pelanggan menjimatkan wang kerana harga rendah yang ditawarkan itu.

Selain itu, banyak barang jualan ditawarkan di pasar malam tersebut. Terdapat pelbagai jenis barang seperti pakaian, makanan dan minuman, barang basah dan kering dan lain-lain lagi. Oleh hal demikian, pelanggan senang membuat pilihan apabila mengunjungi pasar malam ini.

Setiap minggu, banyak pelanggan yang mengunjungi pasar malam ini. Suasana di pasar malam ini meriah dengan aktiviti tawar-menawar di antara pembeli dan penjual.

Lokasi pasar malam ini juga selesa. Persekitaran pasar malam ini juga bersih kerana sentiasa dipantau oleh pihak berkuasa. Kawasanya juga lapang dan pelanggan mudah meletakkan kenderaan. Keselesaan ini membuatkan pelanggan suka bertandang ke pasar malam ini.

Diharapkan pasar malam ini akan beroperasi dengan lebih lama kerana pelbagai ciri menarik terdapat di pasar malam ini.

Unit 23: Keusahawanan

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 ilmu dan pengalaman
- 2 tunjuk ajar
- 3 menempuh cabaran
- 4 suka membaca
- 5 jambatan ilmu
- 6 mencapai cita-cita

Kemahiran Membaca

- 1 Tiga jenis usahawan yang dinyatakan ialah usahawan bidang pengangkutan, penginapan dan industri makanan.
- 2 Hasil kraf tangan di negara kita mendapat sambutan disebabkan hasilnya yang unik dan cantik.

3

Bidang pelancong di negara kita semakin mundur.	Betul	
Sambutan daripada pelancong sangat menggalakkan terhadap perkhidmatan pengangkutan.		Salah
Tempat penginapan banyak dibina di kawasan tumpuan pelancong.		
Pengusaha makanan mengalami kerugian kerana restoran dan gerai ditutup.		

Kemahiran Menulis

...bidang perniagaan dapat membantu meningkatkan ekonomi negara. Dalam bidang perniagaan, berlaku aliran keluar masuk wang di antara pelbagai pihak yang terlibat dalam bidang ini. Oleh hal demikian, ekonomi sesebuah negara akan berjalan dengan lancar.

Bidang perniagaan juga membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat. Jika ramai yang membabitkan diri dalam bidang ini, maka lebih ramailah usahawan berjaya dapat dilahirkan.

Hadirin sekalian,

Selain itu, bidang perniagaan akan memudahkan masyarakat memperoleh barang yang dikehendaki. Bidang perniagaan bukanlah bidang baharu tetapi sudah lama diteroka oleh manusia. Dengan adanya bidang perniagaan, pertukaran barang berlaku antara satu pihak dengan pihak yang lain untuk memenuhi keperluan hidup.

Jelaslah di sini bahawa bidang perniagaan sangat penting dalam kehidupan manusia. Bidang ini terbuka kepada sesiapa sahaja untuk menceburinya asalkan ada minat dan tidak mudah mengalah.

Sekian, terima kasih.

Unit 24: Pengurusan Kewangan

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 melentur buluh, biarlah daripada rebungunya
- 2 sediakan payung sebelum hujan
- 3 Sedikit-sedikit, lama-lama menjadi bukit
- 4 hangat-hangat tahi ayam
- 5 Usaha tangga kejayaan

Kemahiran Membaca

- 1 Urusan yang dapat dilakukan di bank ialah pembayaran bil, tabungan, pinjaman dan lain-lain lagi.
- 2 ✓, X
- 4 Pada pendapat saya, kita perlu menyimpan wang di bank kerana lebih selamat dan terjamin.

Kemahiran Menulis

Pendahuluan:

Jalil – bercita-cita membuka sebuah perniagaan – mendapat galakan keluarga – tiada modal untuk memulakan perniagaan – bersemangat pinjam daripada bank

Isi-isi penting:

- pinjaman diluluskan – wang banyak dalam akaun – Jalil mula lupa diri – rakan-rakan mempengaruhi dan ingin kikis wang Jalil – keluar dengan rakan-rakan – wang habis
- keluarga mendesak mulakan perniagaan – Jalil mengelak kerana wang pinjamannya semakin menyusut – wang habis akhirnya – Jalil tidak dapat meneruskan cita-citanya
- pihak bank menyuruh bayar balik pinjaman – Jalil tak mampu – hendak pinjam daripada rakan-rakan – rakan-rakan menghilangkan diri – tinggal Jalil dengan hutang
- menceritakan kepada keluarga hal yang sebenar – kena marah – Jalil menyesal namun tiada guna lagi

Penutup:

memikirkan cara untuk bayar balik pinjaman – kaitkan dengan peribahasa, sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya

Tema 9

Unit 25: Aktiviti Mesra Alam

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

... penduduk di taman perumahan saya mengadakan aktiviti gotong-royong. Sebelum kerja gotong-royong itu berlangsung, pengerusi persatuan penduduk memberikan taklimat di balai raya. Beliau mengagih-agihkan penduduk yang terlibat kepada beberapa kumpulan mengikut kerja yang bakal kami lakukan nanti.

Selepas taklimat itu selesai, kami berganding bahu membersihkan kawasan persekitaran mengikut tugas masing-masing. Tumpuan kami ialah mengecat balai raya, menyapu sampah, mencuci longkang yang dipenuhi daun-daun kering dan membuang sampah.

Kerja-kerja pembersihan kawasan itu berjalan dengan lancar dan dalam suasana mesra. Kerja-kerja itu berakhir pada pukul 12 tengah hari. Selepas itu satu jamuan ringan disediakan.

Kemahiran Membaca

Ramalan Murid:

Kampung ini akan kembali berseri kerana Tuan Haji Ismail akan berusaha untuk mengatasi masalah yang dihadapi di kampung itu. Tuan Haji Ismail mengadakan mesyuarat untuk mendapatkan cadangan dan pendapat daripada penduduk kampung tentang cara-cara yang boleh diambil untuk menanganinya.

Selepas itu, jawatankuasa kemajuan kampung akan menghantar surat aduan kepada pihak berkuasa supaya memantau operasi kuari di situ. Tindakan yang sewajarnya perlu dikenakan kepada pihak kuari kerana menimbulkan pelbagai masalah alam sekitar. Kemudian, seluruh penduduk kampung akan berusaha memperindah kampung mereka semula dan menarik kembali para pelancong ke situ.

Kemahiran Menulis

Kesalahan Tatabahasa	Pembetulan
1 Para penduduk-penduduk	Para penduduk
2 Kami	mereka
3 dengi	denggi
4 mengsyorkan	mengesyorkan
5 mengalakkan	menggalakkan
6 dari	daripada
7 tengahari	tengah hari
8 di adakan	diadakan
9 masa-masa	masa

Unit 26: Isu Alam Sekitar

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Mengelak pembakaran terbuka.
- 2 Penguatkuasaan undang-undang dan mengambil tindakan ke atas pesalah.
- 3 Kempen berkongsi kenderaan supaya jumlah kenderaan di jalan raya berkurangan.

Kemahiran Membaca

- 1 ... boleh mengakibatkan tanah runtuh, banjir kilat dan peningkatan suhu.
- 2 ... mencemarkan sungai, mencemarkan persekitaran dan sungai berbau busuk.
- 3 ... memakai penutup mulut kerana asap jerebu boleh mengganggu saluran pernafasan.
- 4 Tindakan saya untuk mengatasinya ialah menanam semula pokok-pokok.

Kemahiran Menulis

Jerebu

Jerebu melanda lagi
putih di mana-mana
mengaburi pandangan
menyekat pernafasan

Angkara jerebu
pelbagai aktiviti tergendala
pelajaran murid juga terjejas
akibat sekolah ditutup sementara

Pekalah terhadap alam sekitar
elakkanlah pembakaran terbuka
jadikannya tanggungjawab bersama
melindungi bumi daripada bencana

Unit 27: Selamatkan Bumi Kita

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Tindakan kamu itu boleh merosakkan kualiti tanah
- 2 tidak semua sampah tersebut akan hancur

- 3 kamu janganlah menanam sampah lagi
- 4 terdapat banyak tong kitar semula yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan di kawasan kita ini

Kemahiran Membaca

- 1 Tumpukan minyak terapung di permukaan laut disebabkan oleh tumpahan minyak daripada kapal-kapal di laut.
- 2 Harapan pengarang dalam puisi ini ialah pantai dan laut itu mesti dibersihkan seperti sediakala dan diserikan kembali supaya orang ramai mengunjunginya lagi.
- 4 Ombak pantai kelihatan kotor dan tidak bersih lagi.

Kemahiran Menulis

Kawasan bandar merupakan tempat tumpuan orang ramai. Oleh yang demikian, kawasan bandar mestilah ditanami pokok-pokok supaya tidak terlalu panas dan kelihatan menghijau.

Langkah pertama untuk menghijaukan bandar adalah dengan menambah pokok hiasan dan pokok teduhan di sekitar bandar. Penanaman pokok-pokok ini mesti dilakukan di kawasan yang sesuai seperti di kawasan rehat dan tepi jalan raya. Dengan cara ini, bandar akan diserikan dengan pelbagai jenis pokok yang mampu menghijaukan kawasan.

Di samping itu, pokok-pokok yang ditebang mestilah digantikan dengan pokok-pokok yang baharu. Oleh itu, perancang bandar mestilah memikirkan cara-cara untuk menanam semula pokok-pokok yang telah ditebang supaya tanah tidak terbiar kosong.

Pihak perancang bandar juga mestilah menyediakan taman rekreasi dengan landskap yang menarik di dalam kawasan bandar. Lantaran itu, taman rekreasi ini akan memudahkan orang ramai untuk beriadah. Apabila terdapat taman seperti ini, bermakna penjagaan terhadap tumbuh-tumbuhan akan dilakukan dengan lebih rapi.

Seterusnya, penebangan pokok sewenang-wenangnya mestilah dielakkan. Namun, penebangan pokok boleh dilakukan sekiranya ada kepentingan tertentu seperti untuk pembangunan sesuatu tempat. Bagaimanapun, usaha menggantikan semula pokok yang ditebang itu mestilah dilakukan.

Kesimpulannya, kehijauan bandar sangat penting. Suasana yang hijau akan memberi ketenangan kepada penduduk bandar yang sentiasa sibuk dengan urusan harian.

Tema 10

Unit 28: Alam Sains

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

... dikaitkan dengan suhu permukaan laut selatan Lautan Pasifik di sekitar utara Australia, New Guinea, dan kepulauan Indonesia menurun. La Nina berasal daripada perkataan Sepanyol yang bermaksud 'Gadis Kecil'. Fenomena La Nina pada umumnya didahului oleh penumpukan air laut yang telah mengalami penurunan suhu. Angin yang mengarah ke timur dan ombak laut

membantu perpindahan air laut tersebut ke permukaan melalui proses yang kompleks.

Kemahiran Membaca

Perkataan

fenomena
selari
unik
lokasi-lokasi
separa

Maksud

kejadian
sama/ selaras
istimewa
tempat-tempat
separuh

Kemahiran Menulis

Banjir besar yang sudah beberapa kali berlaku di negara kita ada kaitan dengan perubahan cuaca dunia. Fenomena La Nina menyebabkan hujan lebat dan berlaku banjir di sesetengah tempat.

Pada tahun 2014, banjir besar yang luar biasa melanda Kelantan, Terengganu dan Pahang. Di Kelantan, hujan lebat yang berterusan selama empat hari menyebabkan kawasan-kawasan yang sebelum ini tidak pernah banjir dilanda bencana tersebut.

Unit 29: Teknologi dalam Kehidupan

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Dengan adanya komputer, kita boleh melakukan kerja-kerja menaip, menyimpan maklumat dan sebagainya. Kita juga dapat menyiapkan tugas sekolah yang memerlukan kita menggunakan komputer dengan mudah dan cepat. Komputer juga mendatangkan kebaikan jika kita mempunyai jaringan Internet di rumah. Kita boleh melayari Internet untuk memperoleh pelbagai pengetahuan dan maklumat. Kita boleh mencari maklumat tambahan melalui Internet untuk menyiapkan kerja sekolah yang guru beri. Melalui Internet juga, kita boleh mencari latihan-latihan pelbagai mata pelajaran untuk mengulang kaji pelajaran. Di samping itu, pelbagai kemudahan lain boleh dinikmati menerusi Internet seperti berkongsi maklumat melalui laman sosial dan juga e-mel.

Kemahiran Membaca

Televisyen merupakan media elektronik yang meluas penggunaannya dalam masyarakat kini. Bagi murid-murid, ada berbagai-bagai rancangan televisyen yang boleh mendatangkan manfaat kepada mereka. Contohnya, TV Pendidikan menyiarkan rancangan bercorak pembelajaran dan pengajaran yang boleh dijadikan medium untuk murid mengulang kaji.

Melalui berita yang disiarkan, murid boleh mengetahui tentang hal ehwal semasa yang berlaku di dalam dan juga di luar negara. Sementara itu, rancangan berbentuk dokumentari pula memaparkan bermacam-macam maklumat dalam pelbagai bidang. Dengan itu, rancangan seperti ini dapat menambah ilmu pengetahuan murid-murid tentang pelbagai perkara.

Selain itu, murid-murid juga boleh menenangkan fikiran setelah penat memerah otak untuk belajar dengan menonton rancangan hiburan yang disajikan. Contohnya, rancangan komedi dapat menceriakan perasaan yang tertekan atau bersedih.

Kemahiran Menulis

- 1 Kajian dilakukan kerana berlaku pertambahan penduduk dunia yang menjangkau tujuh bilion dan memerlukan tambahan bekalan makanan.
- 2 Kelebihan padi jenis hibrid ialah penghasilan padi dapat ditingkatkan sehingga 30 peratus dan hasil padi jenis ini lebih lumayan berbanding padi biasa.
- 3 Kekurangan bagi pertanian yang mengamalkan kaedah tradisional ialah hasil yang diperoleh tidak begitu lumayan, proses pengeluaran yang lambat dan menghadapi pelbagai risiko.

Unit 30: Kreativiti dalam Ciptaan

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
- 2 ke mana tumpahnya kuah, kalau tidak ke nasi
- 3 Belum cuba belum tahu
- 4 bekas tangan
- 5 di mana ada kemahuan, di situ ada jalan

Kemahiran Membaca

Ayat Tunggal

- 1 Orang kreatif mudah dikenali.
- 2 Mereka selalu bertanya.
- 3 Mereka juga berani mendepani risiko.

Ayat Majmuk Berbilang Subjek

- 1 Mereka juga memiliki minat yang luas terhadap pelbagai hal dan peka dalam mengamati sesuatu.
- 2 Mereka mempunyai rasa peka terhadap manusia, situasi, mahupun sesuatu objek.
- 3 Di samping itu, seseorang yang kreatif memiliki daya imaginasi yang tinggi terhadap sesuatu yang dilihat dan menyanangi aktiviti-aktiviti tertentu.

Kemahiran Menulis

32, Jalan Kenangan,
Kampung Sungai Sembilang,
45800, Jeram,
Selangor Darul Ehsan.

15 Januari 2017

Menemui sahabatku, Zamri yang kini berada di utara tanah air. Saya sekeluarga di sini berada dalam keadaan sihat. Saya berharap saudara juga dalam keadaan yang sama.

Saudara,

Tujuan saya menulis surat kepada saudara kali ini adalah untuk memberitahu tentang satu pertandingan reka cipta bahan terbuang yang diadakan di sekolah saya baru-baru ini. 12 kumpulan menyertai pertandingan tersebut dengan dua kategori, iaitu kategori Tahap 1 dan Tahap 2.

Setiap kumpulan perlu menggunakan bahan terbuang sebagai bahan utama dalam menghasilkan sesuatu ciptaan. Kumpulan saya telah menggunakan tin minuman aluminium untuk mencipta beberapa model haiwan seperti

gajah, badak dan harimau. Sebelum pertandingan, kami telah mencuba membina model haiwan tersebut beberapa kali.

Pertandingan berlangsung selama tiga jam. Setiap kumpulan berusaha menyiapkan reka cipta dalam tempoh yang ditetapkan. Bermacam-macam bentuk ciptaan yang terhasil pada akhir pertandingan. Lima orang juri yang terdiri daripada guru Pendidikan Seni, guru Kemahiran Hidup dan guru Sains menilai setiap hasil rekaan kami. Walaupun kumpulan saya hanya menjadi naib johan tetapi saya amat berpuas hati kerana kami telah melakukannya dengan bersungguh-sungguh.

Se kian sahaja warkah saya kali ini. Saya berharap kita dapat berutus surat lagi pada masa akan datang. Kirimkan salam saya untuk keluarga kamu di sana.

Sahabatmu,
Aznil

SISTEM BAHASA

Kata Nama Am Tak Hidup Bukan Institusi Abstrak

- A
- 1 Jawatankuasa Penduduk Taman Perpaduan akan mengadakan mesyuarat di balai raya.
 - 2 Sebuah peti sejuk baharu dibeli oleh ayah petang semalam.
 - 3 Abang dan kawan-kawannya bermain bola di padang pada setiap petang.
 - 4 Danial dan Danish bermain badminton menggunakan raket yang baru dibeli oleh ayah.
 - 5 Sebuah kerusi di kelas itu sudah patah.

- B
- | | |
|-------------|----------|
| 1 Keindahan | 4 janji |
| 2 cadangan | 5 ucapan |
| 3 harapan | 6 Hasrat |

Penjodoh Bilangan

- | | |
|-----------|-----------|
| 1 batang | 4 tangkai |
| 2 pucuk | 5 ekor |
| 3 longgok | 6 bidang |

Kata Nama Khas Hidup Manusia

- A
- 1 Puan Siti Nor
 - 2 Sasterawan Negara
 - 3 Seniman Yusof Latiff
 - 4 Seniwati Saadiah
 - 5 Pegawai Penerangan Daerah
 - 6 Profesor Azman Ahmad
 - 7 Tuan Haji Ismail
 - 8 Biduanita Negara
 - 9 Bruce Lee
 - 10 Pegawai Pelancongan Daerah

- B
- 1 Encik Kamil
 - 2 Zamri

- 3 Rentap
- 4 Dol Said
- 5 Kamarul
- 6 Cikgu Halipah

- C
- 1 Cikgu Harjinder
 - 2 Profesor Kamal
 - 3 Doktor Suraya
 - 4 Leftenan Adnan
 - 5 A.Samad Said

Kata Ganti Nama Diri Tanya

- A
- | | | | | |
|-----|-----|-----|-----|-----|
| 1 A | 2 D | 3 C | 4 A | 5 D |
| 6 B | | | | |

- B
- 1 mana
 - 2 Apakah
 - 3 Bilakah
 - 4 Bagaimanakah
 - 5 siapa

Kata Kerja

- A
- 1 Kita perlu membasuh sayur dengan bersih sebelum dimasak.
 - 2 Pak Ismail dan isterinya sedang menyapu sampah di halaman rumah.
 - 3 Raju mengambil sarapan yang berkhasiat pada setiap pagi.
 - 4 Fadhilah menunggang basikal dengan cermat di taman itu.
 - 5 Mei Li membantu ibunya mencuci pinggan di dapur.

- B
- 1 membuat
 - 2 pengarang
 - 3 menggubah
 - 4 menebang
 - 5 menganyam

- C
- 1 dilatih
 - 2 dijahit
 - 3 disuruh
 - 4 diminta
 - 5 ditebang
 - 6 dibasuhnya
 - 7 dijadikan

- D
- | | | | | |
|-----|-----|-----|-----|------|
| 1 C | 2 C | 3 B | 4 A | 5 A |
| 6 B | 7 A | 8 B | 9 A | 10 B |

Kata Adjektif

- I luas
Di dalam tasik yang luas itu terdapat banyak ikan.

- 2 tinggi
Pokok kelapa yang tinggi itu sudah lama berbuah.
- 3 sejuk
Aiskrim itu sangat sejuk dan tidak sesuai dimakan pada waktu malam.
- 4 gagah
Pemuda yang gagah itu telah menebang lima puluh batang pokok.
- 5 tajam
Pisau yang tajam itu sesuai untuk memotong daging.

Kata Bantu

- A 1 B 2 C 3 D 4 C 5 A
6 C 7 A 8 C 9 B 10 D

Kata Hubung

A Kata Hubung Pancangan Relatif

- Murid-murid yang menyertai latihan sukan dikehendaki berada di tempat latihan pada pukul 5.00 petang ini.
- Contohnya, murid-murid yang tidak datang berlatih akan dikenakan denda jika tidak mempunyai alasan yang munasabah.

Kata Hubung Pancangan Komplemen

- Mereka mesti memahami bahawa menepati masa itu sangat penting.
- Guru sukan sudah menjelaskan bahawa latihan penting untuk memantapkan kekuatan sesebuah pasukan.

B Kata Hubung Pancangan Relatif

- Pak Karim dan Pak Ismaillah yang mula-mula meneroka tanah di kawasan itu.
- Baginya, padiliah yang sesuai ditanam kerana kawasan itu berhampiran dengan sungai.

Kata Hubung Pancangan Komplemen

- Mereka menyedari bahawa kawasan itu mesti diteroka dan digantikan dengan tanaman lain.
- Pak Karim menjelaskan kepada Pak Ismail bahawa dia lebih suka sekiranya kawasan itu ditanami dengan padi.

- C 1 Petani itu sedar bahawa hasil tanaman mereka akan menjadi sekiranya dibubuh baja yang sesuai.
- 2 Penduduk kampung itulah yang mula-mula sekali menanam padi dua kali setahun.
- 3 Untuk mereka menjadi petani moden yang berjaya adalah tidak mustahil.

Kata Nafi

- A 1 bukan 2 tidak 3 bukan
4 tidak 5 bukan

- B 1 B 2 D 3 A 4 D 5 C

Kata Pembener

- A 1 Ya 2 Betul 3 Benar

- 4 Benar 5 Betul

- B 1 Benar 2 Betul 3 Ya

Kata Arah

- 1 B 2 C 3 C 4 A 5 D
6 C 7 D 8 B 9 C 10 A

Kata Bilangan

- 1 D 2 B 3 D 4 A 5 C
6 C 7 A 8 B 9 B 10 A

Imbuhan

- A 1 Pelbagai Badan Bukan Kerajaan sentiasa memperjuangkan nasib kanak-kanak gelandangan di bandar itu.
- 2 Pengawal keselamatan perlu memperbaharui lesen senjata api setiap tahun.
- 3 Kita tidak boleh mempertanggungjawabkan tugas menjaga anak-anak kepada pembantu rumah semata-mata.
- 4 Pengemis itu diperlakukan seperti haiwan oleh budak-budak nakal itu.
- 5 Kanak-kanak sentiasa diperingatkan agar berwaspada ketika berjalan sendirian di kawasan sunyi.
- 6 Kerajaan telah mempersiapkan sebuah undang-undang khusus berkaitan penganiayaan kanak-kanak.
- 7 Cadangan Encik Azman agar diadakan kawalan keselamatan yang lebih ketat di kawasan perumahan itu dipersetujui ramai.
- 8 Punca kehilangan budak itu masih dipersoalkan oleh banyak pihak.

- B 1 Kebersihan 2 mencemarkan
3 kepupusan 4 diadakan
5 menikmati

- C 1 Berkeluasan – Dusun yang berkeluasan 20 hektar itu ditanami pokok buah-buahan.
- 2 Meliputi – Tanaman padi meliputi sebahagian besar kampung itu sejak zaman dahulu lagi.
- 3 Merupakan – Ladang nanas yang luas di daerah itu merupakan ladang yang terkenal di negeri Johor.
- 4 Keindahan – Keindahan alam semula jadi di kawasan itu telah tercemar disebabkan sikap tidak bertanggungjawab sesetengah pihak.
- 5 Merosakkan – Serangan makhluk perosak boleh merosakkan tanaman para petani.

- D 1 dibenarkan
2 dilakukan
3 diperhatikan
4 dinasihatkan
5 kebaikan

- E
- 1 Jabatan Pertanian sedang mempergiatkan aktiviti pertanian moden dalam kalangan para petani.
 - 2 Dalam mesyuarat itu, para ahli memperkatakan pelbagai perkara tentang pertanian moden dan kebaikan-kebaikannya.
 - 3 Mereka mempersoalkan tindakan petani yang enggan menggunakan jentera moden dalam pertanian.
 - 4 Soal keselamatan mestilah dipertamakan ketika menggunakan barangan elektrik.
 - 5 Wartawan hiburan dipertontonkan sebuah filem terbaharu yang bertemakan penerokaan angkasa lepas.

Kata Ganda Berentak

- A
- 1 serba-serbi
 - 2 kelam-kabut
 - 3 bersimpang-siur
 - 4 hingar-bingar
 - 5 ramah-tamah
 - 6 compang-camping

- B
- 1 licin-licau
 - 2 sayur-mayur
 - 3 kering-kontang
 - 4 calar-balar
 - 5 Kuih-muih

- C
- 1 kelam-kabut
Ayat: Majlis itu menjadi kelam-kabut apabila bekalan elektrik terputus.
 - 2 sayur-mayur
Ayat: Sayur-mayur yang dijual di kedai runcit itu sangat segar.
 - 3 tanah-tanah
Ayat: Tanah-tanah di kawasan itu subur dan sesuai untuk tanaman sayur-sayuran.
 - 4 bukit-bakau
Ayat: Kawasan bukit-bakau itu kelihatan cantik pada waktu pagi dan petang.
 - 5 kering-kontang
Ayat: Selepas hujan tidak turun selama dua bulan, sawah padi menjadi kering-kontang.
 - 6 riuh-rendah
Ayat: Majlis itu riuh-rendah dengan suara tetamu yang hadir untuk meraikan hari ulang tahun kelahiran tuan rumah.

Kata Majmuk

- A
- 1 Telinga kualiti
 - 2 Berat perut
 - 3 Lintah darat
 - 4 Kaki ayam

- B 1 D 2 C 3 B 4 C

- C
- 1 ringan tulang
 - 2 mandi peluh
 - 3 ulat buku

Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk

- A
- 1 Kami sekeluarga pergi ke kedai itu untuk membeli televisyen baharu.
 - 2 Pak Ismail menggunakan traktor untuk membajak sawah.
 - 3 Abang memiliki sebuah telefon pintar manakala kakak memiliki komputer riba.
 - 4 Abang dan kakak tertarik melihat lampu hiasan yang cantik itu.
 - 5 Kamisah, Khairil dan Mee Ling meminati bidang sains, kecuali Budiman.
 - 6 Murid Tahun Lima Mawar menaik bas mini tetapi murid Tahun Lima Teratai menaiki bas sekolah.

- B
- 1 Hashim dan isterinya menyertai gotong-royong menanam pokok hiasan bagi mengindahkan taman permainan.
 - 2 Maria sedang mengasingkan botol kaca, botol plastik dan tin aluminium untuk dimasukkan dalam tong kitar semula.
 - 3 Ibu bapa Haraz sedang mengemas pakaian dan barangan berharga apabila air semakin naik.
 - 4 Amin dan ibu bapanya sedang menyapu sampah di halaman rumah.

- C
- 1 Ali dan Ahmad mengayuh basikal ke pekan.
 - 2 Ah Chong dan Rama memancing ikan di sungai.
 - 3 Aidil dan Nancy sedang bermain catur.
 - 4 Khairil menemani ibunya ke nurseri untuk membeli anak pokok cili.
 - 5 Abang Hisham menyanyi sambil memetik gitar.

- D
- 1 dinasihati supaya menjaga kesihatan dan keselamatan diri
 - 2 agar sungai dapat dimanfaatkan
 - 3 berkhemah
 - 4 jerebu
 - 5 Jabatan Pengairan dan Saliran
 - 6 pokok besar
 - 7 Jabatan Alam Sekitar
 - 8 membersihkan
 - 9 gotong-royong
 - 10 tanah runtuh

Ayat Cakap Ajuk dan Ayat Cakap Pindah

- A
- 1 Puan Hanim menasihati anaknya, Milah supaya tidak pergi ke tempat itu lagi.
 - 2 Puan Malathi berpesan kepada anaknya supaya berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan.

- 3 Amran memberitahu Muniandy bahawa dia akan pergi ke Ipoh sebentar lagi.
- 4 Encik Azman mempelawa Encik Mokhtar datang ke rumahnya esok kerana ada majlis kesyukuran.
- 5 Lee Meng berpesan kepada Syikin agar memulangkan buku itu apabila sampai waktunya.

- B**
- 1 “Marilah kita pergi menyaksikan perarakan hari ulang tahun kemerdekaan,” kata Khairil kepada Malarvili.
 - 2 “Janganlah menderhaka kepada raja dan negara,” kata pemimpin itu kepada para belia.
 - 3 “Eloklah kamu bersiap sekarang, pementasan akan bermula sekejap lagi,” kata Cikgu Manisah kepada Tamil Selvi.
 - 4 “Berita tentang kejayaan budak itu dalam pertandingan pidato sudah tersebar luas,” kata Amran kepada Ah Chong.
 - 5 “Wah, banyak sungguh tetamu yang hadir dalam majlis ini!” kata Hamid kepada Seng Yee.

SENI BAHASA

- A**
- 1 membeli telefon pintar
 - 2 Setahu saya harga telefon pintar agak mahal
 - 3 banyak kelebihannya
 - 4 boleh melayari Internet
 - 5 memperoleh maklumat dengan mudah dan cepat
- B**
- Atur langkah di tengah gelanggang
Mengikut rentak tingkah gendang
Pencak dibuka silat bermula sekarang
Di tengah malam andang benderang
- Gigih berlatih generasi kini
Ilmu persilatan terus diwarisi
Turun-temurun kekal bersemi
Pertahankan warisan yang dimiliki
- Minat kian tersemat di dada
Moga kekal sampai bila-bila
Di hati anak-anak muda kita
Pewaris seni warisan bangsa

PENILAIAN AKHIR TAHUN

PEMAHAMAN

Bahagian A

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1 D | 2 B | 3 B | 4 C | 5 A |
| 6 B | 7 A | 8 A | 9 D | 10 A |
| 11 B | 12 D | 13 B | 14 B | 15 D |
| 16 A | 17 C | 18 A | 19 A | 20 A |

Bahagian B

- 21 (a) (i) layang-layang
(ii) kusut-masai
- (b) (i) menganugerahkan
(ii) menyalakan
(iii) memperbaiki
(iv) memperbaiki

- (c) (i) menangkap
(ii) membanjiri

22 terhadap, pada, kepada, dan, daripada

- 23 (a) Usman Awang dilahirkan pada 12 Julai 1929 di kampung Tanjung Lembu, Kuala Sedili, Kota Tinggi, Johor.
- (b) Kehidupan Usman Awang sewaktu kanak-kanak ialah beliau kehilangan ibu sejak kecil dan hidup dalam kemiskinan sehingga tidak mampu untuk melanjutkan pelajaran.
- (c) Pada tahun 1952, Usman Awang bekerja di Utusan Melayu sebagai sidang pengarang akhbar Utusan Kanak-kanak. Kemudian, beliau menjadi pengarang Utusan Zaman dan majalah Mastika. Pada tahun Malaya mencapai kemerdekaan, Utusan Melayu berpindah ke Kuala Lumpur. Usman Awang turut serta berhijrah dengan memegang jawatan yang sama.

24 (a) Maksud rangkap kelima pantun di atas ialah kanak-kanak berasa gembira pada hari raya kerana mereka akan mendapat wang dan wang itu boleh disimpan.

- (b) ✓, ✗
- (c) Pada pendapat saya, keistimewaan-keistimewaan hari raya ialah kita saling bermaafan dan kunjung-mengunjungi serta boleh merasai pelbagai juadah, manakala kanak-kanak pula diberi duit raya.

- 25 (a) menimpa
- (b) Dua kesan kemarau di kampung Amran ialah tali air dan sungai menjadi kering manakala pesawah menghadapi masalah tanaman mereka layu dan mati.
- (c) Pengajaran yang terdapat dalam petikan ialah kita mestilah bekerjasama melakukan sesuatu kerja.
- (d) Amran mengatakan penduduk kampungnya bernasib baik apabila bekerjasama kerana dengan bekerjasama dapat meringankan masalah yang dihadapi oleh mereka. Selain itu, kerjasama memperlihatkan sikap bersatu hati dalam menangani sesuatu masalah.

PENULISAN

Bahagian A

- 1 Antara aktiviti yang diadakan semasa Kempen Cintai Alam Sekitar ialah membersihkan kawasan pantai agar lebih indah.
- 2 Selain itu, pokok turut ditanam bagi menghijaukan kawasan persekitaran.
- 3 Longkang di kawasan perumahan turut dibersihkan supaya air dapat mengalir dengan baik.
- 4 Kawasan taman tempat beriadah turut dibersihkan secara gotong-royong.
- 5 Di samping itu, kawasan sungai juga dibersihkan daripada sampah sarap.

Bahagian B

Nilai-nilai murni mesti diamalkan dalam kehidupan seharian. Pelbagai nilai murni boleh dipraktikkan dalam kehidupan seperti membantu ibu membersihkan rumah, membantu orang buta melintas jalan, beratur sebelum menaiki bas dan memberi tempat duduk kepada orang yang lebih tua di dalam bas. Apabila nilai-nilai murni ini diamalkan, kehidupan seseorang akan lebih bererti. Hal ini demikian kerana setiap perbuatan mencerminkan keperibadian seseorang. Oleh itu, amalan nilai-nilai murni akan memperlihatkan peribadi yang positif seseorang di samping dapat memberi manfaat kepada pihak lain. Oleh hal demikian, nilai-nilai murni mesti diamalkan oleh setiap individu.

Bahagian C Soalan 1

Hari Sukan Sekolah Kebangsaan Taman Indah

Baru-baru ini, Sekolah Kebangsaan Taman Indah telah mengadakan Hari Sukan Kali ke-6. Hari sukan tersebut dimulakan pada pukul 8.00 pagi dan berakhir pada pukul 1.00 petang.

Pelbagai acara dipertandingkan semasa hari sukan itu diadakan. Antaranya ialah olahraga, bola sepak, bola jaring, sepak takraw dan badminton. Setiap kelas menyertai hari sukan tersebut. Pada peringkat awal, diadakan saringan untuk mendapatkan pasukan-pasukan yang layak ke peringkat separuh akhir dan akhir.

Acara kemuncak hari sukan tersebut ialah perlawanan akhir bola sepak antara Kelas Enam Azam dan Kelas Enam Gigih. Perlawanan itu sangat sengit dan mendapat sokongan padu daripada penonton. Kesudahannya, Kelas Enam Gigih berjaya menewaskan pasukan Kelas Enam Azam dengan keputusan 2 – 1.

Acara penyampaian hadiah disempurnakan oleh Tuan Guru Besar, iaitu Tuan Haji Ahmad bin Ismail. Dalam acara penutup, beliau berharap hari sukan tersebut menjadi satu kaedah untuk mencungkil bakat dalam bidang sukan di samping merapatkan hubungan antara murid-murid di sekolah itu.

Hari sukan di Sekolah Kebangsaan Taman Indah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang menggalakkan.

Sekian, terima kasih.

Dilaporkan oleh,

30 Jun 2017

Azali

.....
[MOHD AZALI BIN AHMAD]

Ketua Murid,

Sekolah Kebangsaan Taman Indah.

Soalan 2

Zaidi dan Malik mula melangkah kaki menuju ke tepi belukar itu. Di sebalik belukar itu terdapat sebatang sungai yang sangat jernih airnya. Kebiasaannya, mereka akan datang memancing di sungai itu pada setiap bulan. Itulah hobi mereka pada waktu lapang.

Pagi itu, langkah mereka terhenti. Sebaik sahaja tiba di tebing sungai itu, mereka dapat melihat air sungai yang sangat kotor. Warnanya kemerah-merahan.

“Mengapakah sungai ini sangat kotor?” soal Zaidi.

“Entahlah,” jawab Malik.

Mereka tidak jadi memancing. Sebaliknya, mereka cuba menyiasat punca air sungai itu menjadi keruh seperti air milo.

Akhirnya, mereka menemukan satu kawasan yang lapang tidak jauh dari situ. Banyak pokok di kawasan itu ditebang oleh pembalok haram.

Mereka mengesyaki aktiviti pembalakan itulah yang menjadi punca air sungai keruh. Tebing sungai itu juga runtuh lalu tanah-tanah di tebing itu masuk ke dalam sungai. Air sungai itu keruh apabila bercampur dengan tanah merah itu.

Setelah itu, Zaidi dan Malik terus ke rumah ketua kampung. Mereka melaporkan perkara yang dilihat itu kepada ketua kampung.

Ketua kampung bersama beberapa orang jawatankuasa penduduk terus meninjau tempat kejadian. Tidak lama kemudian, ketua kampung menelefon pihak berkuasa untuk melaporkan aktiviti pembalakan haram itu.

Satu mesyuarat tergepang telah diadakan pada petang itu juga untuk membincangkan cara-cara mengatasi masalah tersebut. Zaidi dan Malik berharap air sungai itu akan menjadi bersih seperti sedia kala.